

Kerajaan BN Bangunkan Bukit Bintang Hingga Pesat - Raja Nong Chik Bernama
21 Oktober, 2012

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Kawasan Bukit Bintang pesat membangun hingga menjadi pusat komersil terkemuka hasil daripada perancangan kerajaan Barisan Nasional (BN), kata Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin.

Beliau berkata Bukit Bintang, yang popular di kalangan pelancong tempatan dan asing, juga bakal dibangunkan dengan pelbagai projek mega oleh kerajaan BN walaupun kawasan itu diwakili pembangkang.

Katanya antara projek itu ialah Greater KL, MRT (Mass Rapid Transit), River of Live dan Heritage Trail.

"Ini menunjukkan kerajaan BN tidak pernah pilih kasih dalam menyalurkan peruntukan untuk pembangunan walaupun ia adalah kawasan pembangkang," katanya ketika berucap di hadapan 2,000 penduduk pada Majlis Mesra Warga Bukit Bintang bersama pemimpin BN di sini, Sabtu.

Sehubungan itu, Raja Nong Chik meminta penduduk kawasan Bukit Bintang supaya memilih BN pada pilihan raya umum akan datang bagi membolehkan lebih banyak pembangunan dilaksanakan untuk manfaat mereka.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=703591>